

**JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

**JANJI TEMU & MAKLUMAT
PEMERIKSAAN
ANGIOGRAM**

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janji temu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Datang lebih awal dari masa janji temu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

BAHAGIAN PEMERIKSAAN :

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:,.....

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

CAJ PROSEDUR : RM.....

CAJ PERALATAN : RM.....

ALAHAN / ASMA : YA / TIDAK

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79492530 (kaunter janji temu)

NOTA PENTING!!!! Sila lihat di mukasurat belakang brosur.

Pemeriksaan Angiogram.

1. Apakah itu Angiogram?

Ia merupakan prosedur yang dilakukan dengan bantuan sinar-X untuk memperlihatkan salur darah arteri dan vena. Prosedur menggunakan tiub kecil plastik '*catheter*' bagi memasukkan agen kontras pada kawasan pemeriksaan yang dikehendaki untuk mendiagnosis dan merawat penyakit.

2. Apakah tujuan prosedur Angiogram dilakukan?

Angiogram digunakan untuk mendiagnosa salur darah pada kawasan badan yang merangkumi otak, leher, jantung, paru-paru, abdomen, ginjal, pelvis, tangan dan kaki.

3. Bagaimana prosedur Angiogram dijalankan?

Prosedur Angiogram tidak memerlukan sebarang pembedahan secara surgikal, cuma punktur kecil pada permukaan kulit yang tidak perlu dijahit. Anda boleh kembali menjalani aktiviti normal dalam masa singkat selepas prosedur. Prosedur Angiogram biasanya dijalankan di bawah pembiusan setempat. pembiusan umum hanya diperlukan untuk pemeriksaan major seperti *embolisation* kepala.

4. Adakah terdapat sebarang risiko semasa prosedur Angiogram dilakukan?

- Risiko tentang reaksi alahan yang serius adalah amat jarang berlaku.
- Terdapat risiko berlaku perdarahan di tempat cucukan selepas prosedur dilakukan dan risiko untuk mendapat infeksi (jangkitan) di tempat cucukan adalah rendah. Kemungkinan risiko untuk berlaku kecederaan di dalam saluran darah yang boleh menyebabkan sumbatan yang sementara atau pun kekal juga adalah rendah.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan Angiogram (PENTING!!!)

- Anda dikehendaki menandatangani borang keizinan.
- Anda harus mencukur bahagian pubik sehingga kedua-dua pangkal paha.
- Branula akan dipasangkan kepada lengan anda.
- Anda dikehendaki berpuasa selama 6 jam sebelum prosedur. Bagi pemeriksaan petang, anda dibenarkan mengambil sarapan pagi yang ringan dan berpuasa selepas itu.
- Pastikan anda tiada alahan 'allergy' terhadap ubatan dan makanan laut serta tidak menghidap penyakit lelah / asma. Jika ada, diminta memberitahu kepada Pakar Radiologi untuk tindakan selanjutnya.
- Pemeriksaan bagi wanita pula dijadualkan 10 hari dari tarikh pertama pusingan haid melainkan putus haid atau mengamalkan langkah pencegah kehamilan.
- Memaklumkan kepada Pakar Radiologi jika anda menghidapi AIDS, Hepatitis, 'Sexually Transmitted Disease' dan penyakit pendarahan.
- Pastikan pemeriksaan sinar-X anda yang lama seperti CT-Scan, Ultrasound atau lain-lain (dari hospital luar) dibawa bersama nota kes ketika datang ke Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.
- Jika terdapat pendarahan atau bengkak ditempat suntikan, sila maklumkan kepada doktor yang berkenaan.
-

Doktor/ staf terlibat hendaklah diberitahu segera sekiranya:

- Jika terdapat sebarang perubahan yang ketara pada denyutan nadi, tekanan darah yang diambil sebelum dan selepas prosedur dijalankan.
- Jururawat perlu memaklumkan kepada pakar terlibat dan langkah-langkah yang sepatutnya perlu diambil.